

# **BAB EMPAT**

## **BAB EMPAT :**

### **ADAT RESAM DAN KEPERCAYAAN**

#### **4.1 Pengenalan Adat Resam**

Salah satu ciri terpenting dalam kebudayaan semua bangsa ialah adat. Adat mempunyai sifat yang khusus dan sebahagiannya pula berkait rapat dengan kesenian. Umumnya, adat adalah satu perbuatan atau perlakuan yang menurut kebiasaan sesuatu masyarakat atau bangsa yang berkenaan. Melakukan atau menyempurnakan adat harus mengikut cara-cara atau susunannya yang khusus. Cara atau susunan adat yang dilakukan itulah yang disebut sebagai seni adat.<sup>1</sup>

Pada dasarnya, adat dalam sesuatu kebudayaan mempunyai isi dan bentuk yang serupa. Suasana tempat, pengaruh serta corak kehidupan dan pergaulan masyarakat sekeliling turut mempengaruhi cara perlaksanaan sesuatu adat. Seni Adat sebagai satu cabang kebudayaan yang bersifat dinamik, sentiasa mengalami perubahan dari masa ke semasa. Proses perubahan berlaku beransur-ansur tanpa disedari oleh masyarakat itu sendiri. Pada umumnya, masyarakat akan menerima sebarang perubahan yang membawa kebaikan dan kesejahteraan kepada mereka. Sebaliknya, jika perubahan itu membawa keburukan maka ia akan ditentang.

Perkembangan ilmu pengetahuan dan perubahan corak pemikiran akan turut merubah bentuk dan susunan adat setiap golongan masyarakat di negara ini. Proses

perubahan ini pastinya memakan masa yang lama. Sesungguhnya adat bagi sesuatu bangsa wujud dan berkembang dalam proses kehidupan bangsa itu. Dalam proses tersebut, setiap ciri adat sentiasa mengalami ujian tentang kewibawaan dan keutuhannya. Kepercayaan agama, falsafah dan pegangan hidup masyarakat memberikan isi dan nilai kepada sesuatu adat yang diamalkan. Akhirnya adat akan menjadi sebahagian daripada ciri terpenting dalam kebudayaan, pegangan dan panduan hidup yang diikuti dan dipatuhi oleh anggota masyarakat seluruhnya dan dianggap sebagai undang-undang hidup<sup>2</sup>.

Masyarakat mematuhi adat serta menghormatinya dengan keyakinan bahawa melanggar adat dianggap sebagai suatu sikap dan perbuatan yang buruk dan akibatnya akan merosakkan diri dan mencemarkan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Malah adat juga dikaitkan dengan kepercayaan ghaib serta mempunyai kuasa tertentu dalam mencorakkan kehidupan mereka. Justeru, dilantik seorang ketua atau pemimpin adat bagi memastikan bahawa setiap adat dilakukan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Di samping itu, terdapat pula beberapa bentuk seni adat yang telah dijadikan aturan dan peraturan yang tertulis. Antaranya ialah adat pertabalan sultan.

Ciri-ciri adat sesuatu kebudayaan meliputi hampir semua aspek kehidupan iaitu bermula daripada kelahiran hingga ke akhir hayat seseorang. Walaupun kebanyakan daripada adat tradisi sesuatu masyarakat tidaklah dipatuhi sepenuhnya tetapi rakyat Malaysia masih berpegang kepada tradisi masyarakatnya terutama hal-hal yang bersangkutan dengan kehidupan masyarakat dan ciri-ciri yang berkaitan dengan

kepercayaan dan agama yang dianutinya. Akhirnya adat resam dan kepercayaan yang tidak jelas tujuan dan maksudnya ditinggalkan oleh masyarakat yang berfahaman Islam<sup>3</sup>.

Seperti yang telah dinyatakan, penguasaan adat meliputi hampir keseluruhan kehidupan individu umat Melayu, sehingga berlaku kekeliruan di kalangan segelintir masyarakat di dalam membezakannya dengan perkara-perkara yang menjadi tuntutan agama. Peranannya sudah agak sebatи dengan kehidupan masyarakat tradisi. Di sini diperturunkan adat-adat yang menjadi amalan kelaziman masyarakat Melayu.

#### **4.2 Adat Kelahiran**

Kelahiran anak bagi pasangan suami isteri merupakan satu kurniaan tuhan yang tidak ternilai. Anak merupakan penyambung zuriat supaya wujudnya kelangsungan keturunan ummah di atas muka bumi ini. Untuk itu, didikan yang sempurna haruslah dititikberatkan oleh pasangan suami isteri bagi setiap anak Adam agar mereka menjadi manusia yang berguna kepada keluarga, agama, bangsa dan negara. Ibu bapa yang mampu mendidik anak dengan sempurna dianggap ibu bapa yang berjaya.

Bagi masyarakat Melayu, apabila seseorang wanita mengandung, pelbagai adat diamalkan. Ini bertujuan untuk menjaga keselamatan anak di dalam kandungan dan juga ibu yang mengandung. Adat yang diamalkan berbeza mengikut negeri atau masyarakat masing-masing<sup>4</sup>.

#### **4.2.1 Adat Melenggang Perut**

Adat ini masih diamalkan oleh sesetengah masyarakat Melayu yang berpegang teguh kepada adat khususnya di kawasan pendalamatan. Adat Melenggang Perut dilakukan bagi ibu yang mengandung anak pertama atau anak sulung ketika kandungan itu berusia tujuh bulan. Adat ini bertujuan memelihara anak dalam kandungan dan dipercayai sempurna sifatnya apabila lahir kelak. Jika amalan ini tidak dilakukan, dipercayai akan memudaratkan ibu yang mengandung. Kemungkinan ibu akan mengalami kesulitan semasa bersalin. Dari sudut lain pula, amalan Melenggang Perut dianggap sebagai langkah menempah bidan bagi ibu mengandung yang hendak melahirkan anak di rumah. Melalui cara ini, seseorang bidan yang telah ditempah bertanggungjawab terhadap keselamatan si ibu semasa bersalin nanti.

Adat Melenggang Perut sebaik-baiknya dilakukan pada waktu pagi iaitu pada hari Jumaat. Waktu yang paling baik untuk melakukan upacara ini ialah antara jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari sebelum masuk waktu Zohor.

Walau bagaimanapun, pengamalan adat ini sudah berkurangan pada masa sekarang. Ini disebabkan wujudnya teknologi yang lebih canggih untuk mengetahui keadaan bayi di dalam kandungan serta kesedaran beragama di kalangan masyarakat.

#### **4.2.2 Adat Mandi Bunga**

Selepas melakukan upacara menggolek kelapa di atas perut ibu yang mengandung, dilakukan pula upacara mandi bunga yang terdiri daripada tujuh jenis bunga yang diletakkan di dalam buyung. Di samping itu juga dititiskan air limau nipis dan sedikit bertih. Mandi bunga dikatakan baik untuk fizikal dan semangat ibu yang mengandung<sup>5</sup>.

#### **4.2.3 Adat Tepuk Mayang**

Selesai mandi bunga, si ibu mengandung akan diberi persalinan dan kemudiannya disuruh berlunjur lurus dengan kaki dirapatkan sementara bidan akan melaksanakan upacara menghalau dan menjauhkan kuasa ghaib dengan menjampi mayang pinang muda yang masih di dalam kelopaknya. Mayang itu kemudiannya akan dipukul di atas tangan kiri bidan sehingga pecah kelopaknya. Upacara ini dilaksanakan kerana dipercayai si ibu akan bersalin sebagaimana mudahnya mayang tadi pecah.

#### **4.2.4 Adat Membelah Kelapa**

Sebaik sahaja upacara tepuk mayang selesai, kelapa muda akan dibelah dan air serta isinya akan diberi kepada si ibu untuk diminum dan dimakan. Kelapa yang tua pula dibuat minyak dan akan digunakan untuk mengurut si ibu tadi. Tujuan membelah kelapa ini hampir sama dengan upacara tepuk mayang.

#### **4.2.5 Adat Upacara Pelepas**

Perkataan pelepas bermaksud adat menghalau atau menjauhkan penunggu dalam memulihkan semangat bakal ibu tersebut. Di antara peralatan yang digunakan ialah benang, kelapa, sirih dan kemenyan. Bidan akan membuat lingkaran simpul lepas daripada daun kelapa. Kemenyan pula dibakar manakala sirih dan benang akan diletakkan di dalam piring. Bidan akan menjampi dan simpulan daun kelapa tadi dileraikan. Apabila simpulan tadi dililit pada tengkuk (bukan lilit mati), ia akan ditarik pada puncanya.

#### **4.2.6 Adat Jamuan Kesejahteraan**

Selesai sahaja upacara pelepas, tuan rumah akan mengadakan sedikit jamuan kepada para tetamu yang hadir dalam upacara tersebut. Secara lazimnya, jamuan yang diadakan ialah pulut kuning dan jamuan nasi. Apabila selesai jamuan tersebut, maka berakhirlah upacara Melenggang Perut<sup>6</sup>.

Kesemua adat-adat di atas (Adat Mandi Bunga, Adat Tepuk Mayang, Adat Membelah Kelapa dan Upacara Pelepas) tidak lagi berfungsi secara sepenuhnya di dalam masyarakat disebabkan oleh faktor-faktor yang telah dinyatakan sebelum ini. Namun begitu, jika ianya diadakan sekalipun, matlamat dan prinsipnya adalah berbeza daripada tujuan asalnya.

### **4.3 Adat Menyambut Kelahiran**

Di dalam Islam telah disyariatkan beberapa perkara yang disunatkan sewaktu menyambut kelahiran seseorang anak. Hampir kesemua adat yang dilakukan adalah mengikut tatacara yang telah digariskan di dalam Islam. Walaupun terdapat upacara yang tidak disyariatkan, namun ianya tidaklah bercanggah dengan kehendak Islam kerana setiap adat mempunyai tempat di dalam skema hukum Islam selagi tidak terdapat percanggahan antara keduanya.

#### **4.3.1 Adat Memerdengarkan Azan dan Iqamat**

Antara amalan yang dianjurkan oleh Islam kepada umatnya ketika menyambut kelahiran bayi ialah mengazankannya di telinga kanan dan diiqamatkan di telinga kiri. Ini dilakukan sejurus selepas bayi tersebut dilahirkan. Setelah tali pusatnya dipotong dan dibersihkan, azan dan iqamat akan dilakukan oleh sesiapa sahaja misalnya bapa kepada bayi tersebut, ataupun orang yang tertua dalam sesebuah keluarga.

Azan dan iqamat diperdengarkan kepada bayi bertujuan membolehkan bayi mendengar nama Allah s.w.t. sebelum mendengar sesuatu yang lain. Amalan ini juga bertujuan untuk menghalau jin dan syaitan daripada menghampiri bayi tersebut. Selepas bayi tersebut diazan atau diiqamatkan, dibacakan pula Surah al-Qadr pada telinga kanannya<sup>7</sup>.

#### **4.3.2 Adat Membuka Mulut (Tahnik) dan Memberi Nama Anak**

Apabila seseorang bayi dilahirkan, selain daripada azan dan iqamat, Islam juga menuntut supaya dilakukan upacara tahnik atau membuka mulut dengan buah tamar. Isi buah tamar diambil sedikit dengan jari telunjuk, dimasukkan ke dalam mulut bayi dan secara perlahan-lahan digosokkan ke seluruh mulut. Jika sukar untuk mendapatkan buah tamar, ia boleh digantikan dengan apa sahaja yang manis, misalnya manisan lebah atau air gula. Amalan ini dilakukan sebelum bayi itu diberikan susu.

Seterusnya anak tersebut hendaklah diberikan nama yang baik atau membawa maksud yang baik. Umat Islam tidak digalakkan memberi nama yang pelik kepada anak mereka. Umat Islam juga dilarang memberikan nama yang buruk dan boleh menjaskannya kehormatan atau yang lebih menjadi sendaan orang. Jauhi juga memberikan nama yang boleh membawa kepada kesamaran atau menyerupai nama orang bukan Islam<sup>8</sup>.

#### **4.3.3 Adat Mencukur Rambut Bayi**

Mencukur rambut adalah disunatkan kepada bayi yang baru dilahirkan. Upacara ini sebaik-baiknya dilakukan pada hari yang ketujuh selepas bayi dilahirkan. Kemudian disunatkan bersedekah perak atau emas, iaitu seberat timbang rambut yang dicukur itu kepada fakir miskin jika berkemampuan. Jika tidak mampu berbuat demikian, maka digantikan dengan wang dan sebagainya. Terdapat beberapa hikmah mencukur rambut

bayi yang baru dilahirkan, antaranya ia boleh menguatkan pertumbuhan rambut dan menghilangkan selaput kulit kepala. Selain itu, mencukur rambut juga memberikan ketajaman penglihatan mata, pendengaran dan deria bau. Rambut bayi akan dipotong sedikit demi sedikit pada bahagian depan dan belakang lalu dimasukkan ke dalam air zam-zam.

Bagaimanapun ada sesetengah kes rambut bayi dicukur semuanya. Biasanya upacara ini dilakukan pada pagi hari Jumaat di mana kenduri kecil akan diadakan terlebih dahulu dan diikuti bacaan doa selamat. Selepas menjamu selera, semua sanak saudara dan sahabat handai yang hadir akan mendukung bayi bergilir-gilir mengelilingi tetamu yang hadir<sup>9</sup>.

#### **4.3.4 Adat Mengadakan Kenduri Akikah**

Orang Islam yang berkemampuan disunatkan menyembelih binatang ternakan seperti kambing, kibas, lembu dan unta mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagai akikah untuk anak yang baru dilahirkan. Seseorang anak disunatkan berakikah sekali sahaja seumur hidup.

Oleh itu akikah dilakukan secara berulangan bagi setiap kelahiran anak. Biasanya ini dilakukan bersama upacara bercukur rambut. Kadangkala nama anak juga diberikan pada hari ketujuh serentak dengan akikah dan mencukur rambut. Bagaimanapun, akikah

juga boleh dilakukan pada hari yang lain, iaitu mana-mana hari yang berkelapangan bagi seseorang.

Hikmah diadakan akikah adalah sebagai pengisytiharan atau pengumuman kepada orang ramai bahawa Allah s.w.t. telah memberi nikmat dan pengurniaan kepada hambanya, iaitu anak yang baru lahir. Ia juga sebagai tanda kesyukuran dan terima kasih di atas kurniaan Allah s.w.t. serta sebagai permulaan kebajikan dan kebaikan bagi pihak bayi tersebut.

#### **4.3.5 Adat Naik Buaian**

Adat Naik Buaian adalah satu adat yang masih diamalkan oleh sesetengah masyarakat. Adat ini selalunya dilakukan selepas upacara mencukur rambut si bayi iaitu pada hari ketujuh selepas bayi dilahirkan. Adat ini juga boleh dilakukan semasa upacara tamat pantang ibu selama 44 hari.

Untuk menjalankan aktiviti ini, buaian akan menggunakan kain sarung atau kain batik dan dihiasi dengan bunga. Sebelum bayi dimasukkan ke dalam buaian, dibacakan doa selamat terlebih dahulu. Selepas itu diadakan pula majlis marhaban yang biasanya dilakukan oleh kaum wanita. Seterusnya bayi itu dimasukkan ke dalam buaian oleh datuk atau neneknya dan diayunkan perlahan-lahan mengiringi majlis marhaban yang berlangsung. Sebelum majlis berakhir, tetamu akan dihidangkan dengan pulut kuning

atau bubur kacang. Mereka yang mengambil bahagian dalam majlis tersebut akan diberikan sebiji bunga telur<sup>10</sup>.

#### **4.3.6 Adat Upacara Tamat Pantang**

Upacara tamat pantang ibu biasanya diadakan pada hari ke 44 selepas selamat melahirkan anak. Masa ini juga dikenali sebagai masa dalam pantang. Dalam tempoh tersebut, makanan dan minuman si ibu dijaga dengan rapi. Si ibu akan dikenakan berbagai pantang bukan sahaja pada makanan bahkan pada tertib si ibu sendiri. Ibu tersebut juga dilarang keluar rumah terutama sekali pada waktu senja. Ini disebabkan badan ibu tersebut masih lemah.

Untuk menamatkan pantang, biasanya satu majlis akan diadakan. Di dalamnya disediakan pulut kuning dengan rendang ayam atau daging berserta kuih muih yang lain. Sebelum jamuan bermula, dibacakan doa selamat terlebih dahulu. Selepas itu barulah juadah disajikan kepada para tetamu yang hadir dalam upacara tersebut. Maka dengan itu tamatlah pantang bagi seseorang ibu yang baru melahirkan anak. Upacara ini biasanya diadakan hanya bagi anak yang sulung sahaja<sup>11</sup>.

#### **4.3.7 Adat Memijak Tanah**

Adat Memijak Tanah masih diamalkan oleh sesetengah orang yang masih berpegang teguh kepada adat. Ia sebagai meraikan anak yang baru pandai berjalan.

Mereka berpendapat, sebelum anak itu dibenarkan memijak tanah di halaman rumahnya atau di tempat-tempat lain, ia hendaklah terlebih dahulu dimesrai dengan tanah. Umumnya ia dilakukan pada hari raya Aidilfitri, atau pada hari raya Aidiladha iaitu sehari selepas perayaan tersebut. Ada juga yang mengadakannya sempena hari perkahwinan atau pertunangan sanak saudara. Malah ada juga yang mengadakan kenduri khas untuk upacara tersebut.

Adat ini didahului dengan membaca selawat ke atas nabi Muhammad s.a.w. dan diikuti dengan menepung tawar kedua-dua telapak kaki bayi itu.

Majlis dimulai oleh orang yang rapat tali persaudaraannya dengan bayi itu, misalnya datuk atau bapa saudaranya. Ini adalah untuk mengelakkan bayi daripada menangis jika didukung orang yang tidak dikenalinya. Seterusnya bayi akan diampu dan telapak kakinya akan dicecahkan ke atas ketul tanah serta peralatan-peralatan lain yang telah diletakkan di dalam satu dulang khas. Kemudian bayi itu diserahkan kepada orang kedua dan seterusnya untuk melakukan upacara yang sama<sup>12</sup>.

#### **4.3.8 Adat Berkhatan**

Pada zaman dahulu, upacara berkhatan diadakan setelah selesainya kerja mengetam padi. Sekarang kebanyakan upacara berkhatan pada musim cuti sekolah. Ini kerana masa yang diambil untuk sembuh sepenuhnya daripada luka berkhatan agak panjang, iaitu satu hingga tiga minggu.

Upacara berkhatan bagi kanak-kanak lelaki biasanya lebih meriah berbanding upacara berkhatan untuk kanak-kanak perempuan. Namun begitu, kemeriahan bagi sesuatu majlis itu bergantung kepada kemampuan dan kehendak seseorang serta mengikut kebiasaan masyarakat setempat.

Sudah menjadi satu kebiasaan bagi masyarakat Melayu menjalankan upacara berkhatan secara beramai-ramai, iaitu 2 hingga 10 orang yang terdiri daripada kaum keluarga atau sanak saudara. Majlis kenduri sempena berkhatan selalunya dibuat serentak dengan majlis perkahwinan. Tujuannya adalah untuk menjimatkan belanja dan kerja. Tetapi ada juga yang membuat majlis khas untuk upacara berkhatan.

Menurut kepercayaan dan adat orang Melayu, jika kanak-kanak gagal khatam al-Quran, kuranglah kemuliaan kanak-kanak tersebut. Justeru, seboleh mungkin, upacara khatam al-Quran turut diadakan sehari sebelum upacara berkhatan menurut kelazimannya. Sehari sebelum kanak-kanak tersebut dikhatarkan, mereka akan dimandi, diandam, dipakai dengan pakaian baru serta diberi layanan istimewa semasa sesi makan beradab<sup>13</sup>.

#### **4.4 Adat Perkahwinan**

Upacara perkahwinan merupakan satu majlis keraian yang penting dalam masyarakat Melayu. Upacara ini boleh dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat

pertama adalah merisik, meminang dan menghantar belanja. Peringkat kedua akad nikah dan berinai. Peringkat ketiga pula merupakan hari langsung atau hari bersanding, berarak dan menyambut menantu.

#### **4.4.1 Adat Merisik**

Bagi upacara merisik, wakil dari pihak lelaki akan pergi ke rumah si gadis untuk membuang-buang cakap, dan kedatangan ini tidaklah rasmi. Ia lebih sekadar menziarahi kawan atau jiran. Tujuan merisik adalah untuk mengetahui respon daripada ibu bapa si gadis. Biasanya pada ketika ini bapa si gadis tidak mahu berjanji apa-apa. Sebaliknya kedua pihak akan menyiasat latar belakang masing-masing kemudiannya jika terdapat cacat cela atau sesuatu yang tidak berkenan mana-mana pihak boleh menolak atau berundur.

Setelah kedua belah pihak bersetuju menerima risikan awal tadi, masing-masing akan membuat persediaan untuk meminang secara rasmi. Saudara-mara masing-masing dibawa berunding untuk menentukan hari peminangan, jumlah mas kahwin, hantaran, beberapa syarat dan perkara yang berkaitan. Wakil pihak lelaki akan berkunjung ke rumah pihak perempuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat hari pertunangan<sup>14</sup>.

#### **4.4.2 Adat Meminang**

Pada hari pertunangan, pihak lelaki akan membawa barang-barang yang telah ditetapkan seperti tepak sirih dan hadiah-hadiah lain. Bagi upacara meminang atau hari naik tanda, pihak lelaki akan menghantar wakil sebagai jurucakap. Demikian juga pihak perempuan akan mewakilkan seseorang sebagai jurucakap kepada pihak penerima pula.

Majlis pertunangan akan berjalan dengan meriah dan disulami dengan acara berbalas pantun daripada kedua belah pihak. Pada hari tersebut akan ditetapkan tarikh perkahwinan dan diberitahu syarat-syarat yang akan dikenakan. Setelah semua perkara telah dibincangkan, pihak lelaki akan menyerahkan segala hantaran kepada pihak perempuan dengan sopan kecuali cincin tanda atau cincin pertunangan yang dipegang oleh kakak atau emak saudara pihak lelaki untuk disarungkan ke jari manis si gadis<sup>15</sup>.

#### **4.4.3 Adat Akad Nikah**

Sebelum akad nikah dijalankan, imam biasanya akan mengingatkan si teruna kepada hal-hal keagamaan dan tanggungjawab yang bakal dihadapi oleh suami mengikut lunas-lunas Islam. Selepas upacara tersebut, pengantin lelaki akan bersalin pakaian untuk turut serta dalam adat ‘berinai besar’.

Barang-barang hantaran hendaklah dibawa bersama dengan didahului oleh tepak sirih atau sirih junjung dalam jumlah yang ganjil dan dibalas oleh pihak perempuan melebihi daripada jumlah dulang pihak lelaki dalam bilangan ganjil juga<sup>16</sup>.

#### **4.4.4 Adat Berinai**

Majlis berinai biasanya diadakan tiga peringkat iaitu pertama dikenali sebagai peringkat ‘berinai kecil’ yang diadakan tiga malam sebelum hari berlangsung dan membabitkan saudara mara terdekat sahaja, peringkat kedua juga dikenali sebagai ‘berinai kecil’ yang diadakan dua malam sebelum hari langsung untuk saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat handai, ketiga peringkat ‘berinai besar’ iaitu diadakan satu malam sebelum hari langsung untuk para jemputan khas daripada pihak lelaki dan perempuan. Biasanya ia diadakan selepas upacara akad nikah.

Upacara ini bertujuan untuk memastikan kebersihan dan kesucian kedua-dua pengantin, kerana inai dianggap “berkat” iaitu satu cara penyucian dan perlindungan. Kedua-dua bakal pengantin dianggap wangi dan berdarah manis<sup>17</sup>.

#### **4.4.5 Adat Hari Langsung atau Hari Bersanding**

Hari langsung atau hari bersanding merupakan kemuncak istiadat perkahwinan. Pada hari inilah pengantin digelar “raja sehari”. Sebelum sampai waktu bersanding, pengantin lelaki dan perempuan akan diandam dan sebelum upacara bersanding bermula,

pengantin perempuan akan bersalin pakaian dan kemudiannya dibawa duduk di atas pelamin.

Majlis perkahwinan dan lain-lain majlis keraian akan diadakan dengan bergotong-royong. Adat ini telah diamalkan sejak beratus tahun dahulu. Bagi majlis perkahwinan, pelbagai bentuk sumbangan diberikan daripada bahan makanan hingga sumbangan tenaga seperti mendirikan bangsal, penanggah dan mendirikan khemah. Selain daripada sumbangan ini, adat ‘salam berisi’ juga memberikan sumbangan kewangan kepada ibu bapa supaya dapat menampung majlis perkahwinan. Wang ini biasanya diberikan ketika bersalaman dengan ibu bapa pengantin<sup>18</sup>.

#### **4.4.6 Adat Berarak dan Bersanding**

Dalam setiap majlis perkahwinan masyarakat Melayu, adat berarak dan bersanding turut dijalankan oleh sesetengah masyarakat. Persamaan adat-adat yang diamalkan dalam negeri-negeri bagi istiadat berarak dan bersanding adalah duduk di atas pelamin, upacara menuap dan upacara masuk ke bilik.

Pada hari tersebut, ketibaan pengantin lelaki akan di sambut meriah oleh jemputan yang berjalan secara perlahan-lahan menuju ke rumah pengantin perempuan dengan didahului oleh kaum ibu. Di belakang mereka pula terdapat kumpulan kompong, rebana atau hadrah.

Setibanya di perkarangan rumah, pengantin perempuan sendiri menyambutnya dengan diiringi mak andam. Mereka terus didudukkan dahulu di satu tempat khas di halaman rumah untuk upacara pencak silat yang diadakan sebagai tanda penghormatan kepada raja sehari. Kemudian kedua mempelai dipersilakan masuk ke dalam rumah untuk upacara persandingan. Selesai bersanding kedua-dua mempelai akan turun ke halaman rumah untuk upacara ‘makan damai’. Usik mengusik dan gelak ketawa memeriahkan suasana makan damai<sup>19</sup>.

Pada sebelah malamnya, diadakan majlis hiburan untuk para tetamu dan mereka yang telah bekerja keras sepanjang majlis perkahwinan tersebut. Namun begitu, kesedaran masyarakat mengenai bentuk hiburan yang dibenarkan oleh Islam, telah memberikan mereka alternatif untuk beralih kepada hiburan yang berlandaskan syarak. Bagaimanapun terdapat juga masyarakat yang masih membudayakan bentuk hiburan yang dilarang oleh Islam. Pun begitu, kebanyakan masyarakat kampung telah memilih untuk tidak lagi mengadakan malam liburan ini.

Di sesetengah tempat, upacara bertandang atau menziarahi kaum keluarga dilakukan selepas selesai adat bersiram. Pada masa dahulu, kadang kala kedua mempelai diasah gigi mereka oleh mak andam atau tukang gigi khas. Manakala adat sambut menantu biasanya dibuat sehari selepas atau seminggu kemudian. Ada kalanya adat bersanding diadakan sekali lagi di rumah pengantin lelaki untuk memberi peluang kepada pihak kaum keluarga lelaki yang tidak turut serta ke rumah pengantin perempuan<sup>20</sup>.

#### **4.5 Adat Menziarah**

Masyarakat Melayu amat mementingkan hubungan persaudaraan dan ikatan persahabatan. Oleh itu terdapat beberapa adat resam berkaitan dengan lawatan dan kunjungan. Adat-adat ini masih diamalkan sehingga ke hari ini. Bagi pengunjung yang beragama Islam, hendaklah memberi salam apabila tiba di halaman rumah yang dikunjunginya. Sebelum masuk ke dalam rumah orang Melayu, pengunjung hendaklah menanggalkan kasut samada pengunjung itu berbangsa Melayu atau bukan Melayu. Jika pada masa tersebut ada tetamu lain di rumah yang dikunjungi itu, maka pengunjung hendaklah mengenalkan diri mereka dan menundukkan sedikit kepala sebagai tanda hormat dan berjabat tangan.

Apabila tuan rumah menghidangkan makanan atau minuman, adalah tidak manis tetamu menolaknya. Jika kenyang sekalipun, hendaklah menjamah sedikit hidangan tersebut. Semasa mengunjungi rumah jiran, sanak saudara atau sahabat handai, sebaik-baiknya bawalah sesuatu sebagai buah tangan. Ini merupakan satu kebiasaan di kalangan orang Melayu<sup>21</sup>.

Bagi mereka yang mempunyai anak kecil, dinasihatkan lebih baik jangan membawa anak bertandang sama kerana kerenahnya mungkin tidak disukai oleh tuan rumah. Tetapi jika tidak dapat dielakkan, pastikan anak-anak itu tidak berlari-lari atau mengusik barang-barang di rumah yang kita kunjungi itu.

Jika orang lelaki berkunjung bersendirian, janganlah masuk ke rumah tetamu tersebut jika didapati suami atau orang lelaki lain tiada di rumah, atau pun isteri tuan rumah itu berseorangan kerana ia bertujuan untuk mengelak daripada berlakunya fitnah. Begitu juga sebaliknya jika wanita bertandang sendirian dan mendapati isteri tuan rumah tiada di rumah.

Jika orang tua duduk di atas lantai, orang yang lebih muda tidak digalakkan duduk di kerusi sebagai tanda menghormati orang yang lebih tua. Orang muda juga mestilah terlebih dahulu menghulurkan tangan untuk bersalaman. Sebaik-baiknya bengkokkan tangan sedikit sambil berjabat tangan<sup>22</sup>.

Pada pandangan penulis, pengaruh agama Islam jelas telah meresap masuk ke dalam sebahagian besar masyarakat Melayu dimana kebanyakan upacara dan adat perkahwinan yang melibatkan perkara-perkara yang bercanggah dengan agama sudah ditinggalkan dan tidak diamalkan lagi.

#### **4.6 Adat Mendirikan Rumah Baru**

Sebelum mendirikan sesebuah rumah, orang Melayu pada zaman dahulu mengambil kira beberapa aspek dan pantang larang tertentu seperti memilih tapak binaan, meletakkan dan mendirikan tiang seri, dan upacara meletakkan tangga serta pintu masuk.

Mereka juga amat berpegang teguh terhadap pantang larang dan mempercayai bahawa rumah tidak boleh dibina di tempat sembarangan kerana ia akan membawa akibat buruk. Sesebuah rumah juga tidak boleh dibina di tempat lalu lalang orang ramai kerana dipercayai akan mendatangkan mudharat. Selain itu, tapak laluan jin dan tapak panahan halilintar juga dianggap tidak sesuai untuk aktiviti pembinaan rumah<sup>23</sup>.

#### **4.6.1 Adat Meletakkan Tiang Seri**

Tiang rumah yang utama atau tiang seri mestilah didirikan pada hari yang telah ditetapkan, jika tidak ia akan mendatangkan akibat yang tidak baik untuk keluarga tuan rumah.

Umumnya, menurut kiraan kalendar masyarakat Melayu dahulu, semua bulan dianggap baik kecuali bulan Safar kerana ianya dianggap sebagai bulan yang mendatangkan bala. Apabila hari telah ditentukan untuk menaikkan tiang seri, pawang akan menentukan pula masa yang baik untuk mendirikan rumah.

Sebelum adat ini berlangsung, upacara sembahyang hajat akan dilakukan. Kemudian kenduri diadakan bertujuan untuk mengambil berkat. Beberapa jenis bahan disediakan dan dimasukkan ke dalam lubang tiang seri tersebut untuk menghalau hantu dan syaitan. Manakala pada bahagian atas tiang dilapik dengan kain yang mengandungi beberapa warna yang melambangkan kesucian dan perjuangan. Biasanya pada kain putih

dilukiskan dengan “barisan laksamana” atau satu sistem nombor tertentu. Ini adalah untuk menjauhkan daripada sebarang bencana buruk kepada penghuni rumah<sup>24</sup>.

#### **4.6.2 Adat Memilih Tapak Rumah**

Kepercayaan masyarakat Melayu zaman dahulu bahawa pemilihan tapak rumah adalah penting untuk menjamin kesejahteraan keluarga yang mendiaminya. Oleh itu, bagi mereka yang bakal mendirikan rumah, akan meminta pedoman dan petua serta nasihat dalam menentukan pemilihan tapak rumah daripada pawang atau orang yang berpengalaman.

Sesuatu kawasan baru yang diterokai dipercayai dikuasai oleh penunggu yang mempunyai semangat yang tersendiri. Dalam hal ini pemilihan yang dibuat haruslah berhati-hati agar tidak menimbulkan kemudaratan. Kemudaratan ini akan terserlah jika tapak yang dipilih untuk mendirikan rumah tersebut adalah tempat halaman penunggu dan tempat laluan jin. Tempat ini dipercayai keras dan membawa kecelakaan ke atas isi rumah tersebut<sup>25</sup>.

##### **4.6.2.a Tapak Rumah Yang Baik**

Perkara pertama yang mesti dilakukan sebelum mendirikan rumah ialah melakukan upacara membuka tapak rumah. Upacara ini dilakukan oleh pawang yang akan menjampi dan menyemah tapak tersebut terlebih dahulu. Apabila selesai upacara

tersebut, pawang akan menanamkan ranting kayu di atas tanah tersebut sebagai tanda selesainya upacara membuka tapak rumah. Maka tanah tersebut pada bila-bila masa sahaja boleh dibersihkan untuk dibina rumah.

Tapak yang dianggap baik untuk mendirikan rumah ialah tapak gajah. Sifat-sifat bagi tapak rumah yang dinamakan tapak gajah ini ialah apabila turun hujan airnya akan mengalir ke hilir kerana keadaan tanahnya condong ke hilir. Ini dipercayai ‘sejuk’ yang bermakna sesuai, elok, tenteram dan aman. Tapak kubang babi juga dianggap sesuai untuk dijadikan tapak rumah. Ini kerana ianya dikatakan mempunyai ciri-ciri kebaikan yang hampir menyamai tapak gajah. Keadaan tanahnya yang rendah dan bentuknya seolah-olah sebuah mangkuk yang sederhana dalamnya menjadikannya dianggap ‘sejuk’ dan tidak mendatangkan bencana kepada bakal penghuni.

Tapak empat busut juga sangat sesuai dijadikan tapak rumah kerana ia dipercayai mempunyai kelebihan tertentu, misalnya ia dipercayai ditakuti oleh penunggu dan terkawal daripada gangguan kuasa ghaib. Keadaan kawasan tanahnya lapang dan terdapat empat busut jantan pada penjuru tapak rumah tersebut.<sup>26</sup>

#### **4.7 Adat Membuka Tanah Baru**

Masyarakat Melayu pada zaman dahulu amat menitikberatkan peranan dan fungsi adat di dalam kehidupan mereka. Oleh itu, sebelum melakukan sesuatu pekerjaan, adat dan pantang larang menjadi pertimbangan utama. Berdasarkan hakikat ini, apabila

mereka bercadang untuk membuka tanah baru, ianya haruslah didahului oleh upacara-upacara yang tertentu. Kekerapan dan kepatuhan masyarakat melakukan sesuatu upacara seumpamanya telah menjadikan upacara tersebut sebagai adat yang mesti dilakukan dan diwarisi.

Masyarakat Melayu mempercayai bahawa hutan mempunyai semangatnya yang tersendiri. Hutan biasanya dikaitkan dengan tempat tinggal makhluk halus dan dianggap sebagai tempat yang keras. Oleh itu, untuk mengelakkan daripada diganggu oleh kuasa ghaib, maka perlu dilakukan upacara tertentu sebagai memohon persetujuan daripada penunggu hutan bagi membuka tanah tersebut<sup>27</sup>.

#### **4.7.1 Upacara Sebelum dan Selepas Membuka Hutan**

Dalam upacara membuka tanah dan menyemah ini, hari yang dianggap baik bagi upacara ini ialah hari Selasa dan Khamis. Upacara ini dilakukan pada waktu pagi iaitu lebih kurang pada pukul lapan. Pawang terlebih dahulu akan menjampi bahan-bahan berkaitan yang diletakkan di dalam dulang dengan ‘jampi pengeras’.

Selesai upacara tersebut, pawang akan menuruni tangga rumah diikuti oleh rombongan mereka yang akan membuka tanah di kawasan tersebut. Pawang akan memulakan tugasnya dengan mengambil sekepal bertih lalu dijampi dan kemudiannya ditaburkan ke tanah bermula dari kanan ke kiri. Pawang juga menjampi bahan-bahan yang diperlukan untuk penunggu dan diletakkan di dalam upih pinang serta ditinggalkan

pada pangkal pokok sebagai sajian kepada penunggu hutan. Setelah itu, pawang tersebut akan mengambil parang dan mula menebas hutan tersebut diikuti oleh mereka yang bakal menghuni tempat tersebut kelak.

Menurut kebiasaannya setelah selesai kerja menebas dan menebang, upacara penyembelihan kambing akan dilakukan di atas tanah berkenaan sebagai tanda kesyukuran terhadap penerokaan hutan tanpa gangguan daripada mana-mana pihak. Upacara penyembelihan dilakukan oleh pawang sekali lagi dan beberapa bahagian anggota kambing diambil sebagai persembahan kepada penunggu hutan.<sup>28</sup>

#### **4.8 Adat Ke Laut**

Adat Ke Laut masih lagi diamalkan oleh para nelayan dan ia diwujudkan semata-mata sebagai adat untuk menjamin kesejahteraan mereka. Dengan adanya adat ini dikatakan dapat menjamin keselamatan para pelaut semasa mereka berada di tengah lautan atau semasa menangkap ikan.

Laut memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan nelayan. Justeru terdapat beberapa kepercayaan yang berhubung dengan laut sehingga masyarakat pada zaman dahulu mempercayai bahawa laut adalah “satu dunia lain” yang perlu dipatuhi adat dan peraturannya. Antaranya ialah upacara main pantai yang dilakukan bertujuan sebagai satu tradisi penyembahan terhadap semangat laut. Ia diadakan pada setiap tahun

dan telah menjadi satu tuntutan kepada para pelaut untuk mengendalikannya. Sekiranya tidak dipatuhi, maka dijangkakan satu bencana akan menimpa mereka.<sup>29</sup>

#### **4.8.1 Adat dan Persiapan Semasa Turun Ke Laut**

Waktu untuk turun ke laut adalah sebelum terbitnya matahari. Pelaut dilarang bercakap besar semasa berada di rumah dan di lautan. Mereka juga dilarang berpatah balik ke rumah apabila telah turun ke laut. Jika mereka melanggar pantang larang ini, dipercayai bencana akan menimpa.

Setiap pukat dan perahu yang baru siap akan disemah terlebih dahulu oleh pawang. Ia bertujuan untuk menjaga keselamatan nelayan dari sebarang bencana. Upacara penyemahan dilakukan serentak dengan adat turun ke laut yang dilakukan oleh pawang. Peralatan yang disediakan akan diletakkan di dalam sebuah perahu layar dan kemudiannya dimasukkan ke dalam perahu tersebut. Apabila upacara tersebut telah selesai, maka layar perahu akan dihanyutkan ke laut.<sup>30</sup>

#### **4.9 Adat Permulaan Bersawah**

Adat Permulaan Bersawah adalah di antara adat yang diamalkan pada zaman dahulu. Walau bagaimanapun, tahap pengekalan adat ini agak berkurangan sekarang disebabkan teknologi dalam bidang pertanian telah dicipta oleh manusia. Tahap pengalaman bersawah biasanya berbeza mengikut negeri. Kebiasaannya adat ini

dimulakan apabila tiba musim menyemai padi di tapak semaian. Kekerapan melakukannya bergantung kepada kehendak individu yang melaksanakan kerja-kerja persawahan. Amalan ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan hasil yang baik daripada padi agar ia terus subur serta menjauhkan perosak tanaman padi. Selain itu, ia juga berperanan sebagai satu temasya kemeriahinan bagi petani semasa turun ke sawah. Ia juga bertujuan mengeratkan silaturrahim sesama mereka. Petani juga percaya bahawa semangat padi harus dijaga sebaik mungkin dengan mengadakan pelbagai upacara.<sup>31</sup>

Kerja persawahan dikira bermula semasa anak semaian dipindahkan dari tapaknya ke sawah. Dalam upacara ini pawang akan menentukan segala peralatan yang perlu bagi melaksanakan adat ini. Ini termasuklah bertih, pulut kuning, segelas air, sebiji telur, upih pinang dan sebagainya. Pawang juga akan memberi khidmat nasihat berkaitan hal-hal persawahan, misalnya hari permulaan mengubah anak semaian dan sebagainya.

Pawang akan dijemput ke rumah tuan punya sawah untuk menjalankan upacara permulaan bersawah pada hari yang telah ditetapkan. Kesemua peralatan bersawah akan diserahkan kepada pawang untuk diteliti dan kemudiannya pawang akan mengambil sirih sekapur lalu memamahnya. Seterusnya mereka semua akan turun dari rumah menuju ke sawah. Pawang akan memulakan upacara dengan menjampi peralatan bersawah yang telah disediakan. Beliau kemudiannya akan mengambil bertih dan menaburkannya di tapak semaian manakala sekepal pulut kuning akan dimasukkan ke dalam upih pinang bersama peralatan lain untuk dihanyutkan ke tempat air mengalir. Setelah selesai upacara tersebut, pawang akan mengambil segenggam anak semaian, dan hujungnya akan

dipotong kemudiannya ditanam oleh tuan punya s.a.w.ah atau pawang itu sendiri. Selepas itu para petani secara gotong royong akan turun ke sawah bersama-sama.<sup>32</sup>

Pada pandangan penulis, adat-adat masyarakat Melayu tradisional yang berkaitan dengan aspek pekerjaan kurang menerima pengaruh agama Islam di dalam upacara-upacara yang dijalankan. Namun begitu, perubahan cara hidup dewasa ini menyebabkan pekerjaan-pekerjaan tradisional tidak lagi mendapat tempat di kalangan generasi muda Melayu. Oleh itu, adat-adat tersebut terus luput begitu sahaja.

Penulis hanya sekadar menfokuskan huraian adat-adat di kalangan masyarakat Melayu tradisional di dalam bab ini bermula daripada proses mengandung, melahirkan, perkahwinan dan pekerjaan secara ringkas. Terdapat di kalangan adat-adat tersebut masih diamalkan hingga sekarang dan sebahagiannya telah lenyap ditelan masa disebabkan faktor-faktor yang telah dijelaskan sebelum ini.

#### **4.10 Beberapa Kepercayaan Lama Orang Melayu**

##### **4.10.1 Animisme**

Salah satu ciri-ciri budaya lama yang masih terkesan di dalam jiwa masyarakat setiap bangsa ialah kepercayaan kepada sesuatu. Unsur kepercayaan ini diwarisi secara turun temurun. Segala kemajuan tamadun manusia, perkembangan ilmu pengetahuan,

malah kemajuan sains dan teknologi bukanlah penghalang kepada sesetengah masyarakat daripada mempercayai sesuatu yang berunsur animisme.

Pengalaman hidup yang sering menempuh pelbagai peristiwa menguatkan lagi kepercayaan kepada unsur-unsur animisme tersebut.<sup>33</sup>

Mengikut kepercayaan lama kononnya animisme mempunyai satu kuasa yang dipegang atau ditentukan oleh orang yang gagah. Justeru, mereka percaya bahawa orang-orang besar seperti raja-raja dan hulubalang Melayu mempunyai kuasa animisme. Oleh sebab itulah sehingga sekarang dalam masyarakat tertentu, raja-raja masih dianggap berdaulat. Berdaulat bererti raja tidak boleh ditentang atau di samakan dengan orang awam dan jika berlaku sebaliknya, dipercayai akan mendatangkan bencana atau akibat buruk kepada diri si penentang. Memandangkan raja-raja dianggap berdaulat maka baginda harus dimuliakan dengan setinggi-tinggi kemuliaan. Lebih daripada itu, dipercayai pula bahawa kononnya raja-raja besar iaitu yang termulia antara raja-raja, mempunyai darah putih atau dikatakan ‘berdarah putih’.

Berdasarkan hakikat tersebut, dapatlah dikatakan bahawa animisme ialah kepercayaan primitif. Shananisme, Totemisme ( sistem kepercayaan yang mengatakan nenek moyang manusia mempunyai hubungan roh dengan binatang ) dan pemujaan roh nenek moyang, boleh digolongkan dalam kepercayaan animisme.

Antara kepercayaan animisme yang lain ialah percaya kepada semangat, hantu, mambang dan penunggu yang kononnya mempunyai kuasa ghaib dalam menetapkan tuah dan kecelakaan kepada kehidupan manusia. Jampi mentera digunakan dalam pemujaan, semangat, penuggu dan roh sebagai cara berkomunikasi. Menurut Durkheim, kepercayaan animisme luas tersebar di kalangan masyarakat Melanesia dan Polenesia. Mereka percaya kepada konsep semangat dalam diri manusia, tempat dan tumbuh-tumbuhan. Sistem kepercayaan animisme berasaskan mitos dan simbol. Malinowski pula berpendapat bahawa kepercayaan adalah aktiviti yang tersusun, yang berusaha untuk berhampiran dengan kuasa supernatural dan mempengaruhinya di samping bertindakbalas kepada persekitaran dan peraturannya.<sup>34</sup>

#### **4.10.2 Jampi Mentera**

Jampi merupakan satu rawatan tradisional yang menggunakan kuasa ghaib. Jampi diamalkan sejak dahulu kala. Melalui jampi dan serapah, kuasa-kuasa ghaib yang baik dipanggil untuk melawan kejahanan. Jampi serapah juga digunakan untuk menjadikan kawasan tertentu terhindar daripada bahaya dan bencana kejahanan.

Bahasa yang digunakan dalam bacaan jampi ialah bahasa Melayu kuno di samping memasukkan unsur agama Hindu dan Islam. Upacara ini memerlukan belanja yang tinggi kerana melibatkan seluruh penduduk kampung.<sup>35</sup>

Jampi bukan sahaja berfungsi memujuk dan merayu kuasa ghaib untuk menyampaikan hajat dan harapan seseorang melalui bomoh atau dukun tetapi turut memainkan peranan dalam sastera lisan orasng Melayu.<sup>36</sup>

#### **4.10.3 Semangat**

Satu lagi kepercayaan lama yang masih ada kesannya dalam jiwa sebahagian masyarakat Melayu kini ialah percaya kepada semangat. Semangat dipercayai mempunyai jiwa dan bentuk. Ia juga dianggap bersifat serupa dengan manusia seperti lapar, dahaga, baik, jahat dan sebagainya.<sup>37</sup>

Untuk memberi makan atau jamuan kepada semangat, satu juadah khas disediakan yang lazimnya menyediakan makanan yang diperbuat daripada beras pulut. Ia dinamakan nasi kunyit atau nasi semangat. Makanan ini dijampi terlebih dahulu sebelum dipersembahkan kepada semangat.

Semangat dipercayai tinggal di pokok-pokok besar, di tempat-tempat yang kelihatan ganjal kedudukannya, gunung, bukit, di kuala sungai, anak air, di bangunan atau rumah-rumah yang telah ditinggalkan dan seumpamanya. Beberapa bahagian rumah dan perkakas tertentu juga dipercayai mempunyai semangatnya yang tersendiri.

Semangat juga dipercayai wujud pada diri setiap manusia, haiwan dan juga pokok. Manakala bahagian anggota manusia juga dipercayai mempunyai semangat

terutamanya pada bahagian kepala dan gigi. Hingga sekarang pun orang Melayu sangat marah jikalau kepalanya dipegang, apatah lagi jika dipermain-mainkan. Sehubungan itu, pada masa dahulu terdapat upacara ‘memotong jambul’ bagi kanak-kanak kecil dan upacara ‘berandam’ bagi gadis yang bakal menjadi pengantin.<sup>38</sup>

Anak-anak kecil terutamanya sangat dijagai semangatnya. Kanak-kanak yang terjatuh misalnya, akan diseru dengan kalimat ‘kur semangat’. Ia merupakan kata seruan bagi menyatakan sayang, dengan harapan, kanak-kanak tersebut tidak ditimpa sebarang bencana. Orang yang pulih daripada pengsan dikatakan ‘pulang semangat’. Hingga kini, apabila seseorang terperanjat atau terkejut, sering menyebut kalimat ‘hilang semangat’.<sup>39</sup>

Hingga kini masih terdapat di kalangan ahli masyarakat yang memandikan atau memberi minum air jampi kepada seseorang yang terselamat daripada sebarang bencana atau setelah pulih daripada terkejut atau sedar daripada pengsan. Perbuatan demikian pada dasarnya adalah percaya kepada semangat. Manakala dalam amalan biasa, apabila perkara-perkara yang disebutkan tadi, orang yang terlibat akan diberi minum air. Ia bertujuan untuk menenangkan perasaan dan fikiran orang yang ditimpa bencana itu.<sup>40</sup>

#### **4.10.4 Hantu, Mambang dan Bunian**

Terdapat sebahagian daripada masyarakat hari ini yang masih lagi percaya kepada kewujudan hantu, pelesit, mambang, orang bunian, polong dan sebagainya. Kesemua ini adalah warisan lama dalam kebudayaan Melayu lampau dan juga dalam kebudayaan

bangsa-bangsa Timur umumnya. Bagi mengelakkan diri daripada diganggu oleh semangat atau hantu, maka tangkal, jampi dan mentera digunakan. Setelah orang Melayu menganuti agama Islam, kepercayaan tersebut tidak dapat dikikis atau dihapuskan dengan serta merta malah ianya memakan masa yang lama.<sup>41</sup>

Menurut kepercayaan orang Melayu, hantu dianggap sebagai jelmaan daripada semangat jahat. Hantu dikatakan membawa penyakit dan bencana kepada manusia. Terdapat berbagai jenis hantu dan antaranya yang paling kerap disebut ialah hantu raya, langsuir, hantu kubur, hantu galah, hantu laut dan hantu bungkus.

Ada kepercayaan lain iaitu apabila seseorang itu mati, rohnya akan menjelma menjadi hantu.<sup>42</sup> Setiap hantu mempunyai tugas dan fungsinya tersendiri di dalam mendatangkan bencana kepada manusia. Langsuir atau pontianak biasanya selalu datang menggoda atau mengganggu perempuan yang hendak bersalin. Manakala hantu raya pula ialah hantu yang boleh diarahkan oleh tuannya untuk melakukan sebarang kerja. Adalah dipercayai apabila tuannya meninggal dunia, hantu raya itu akan dipindahkan penjagaannya kepada salah seorang anggota keluarga yang disayanginya. Penyerahan ini terpaksa dilakukan untuk menjaga nama baik si mati dan keluarganya. Jikalau tidak dilakukan sedemikian, kononnya hantu raya itu akan lepas bebas mengganggu ketenteraman orang ramai terutamanya di kalangan penduduk setempat. Langkah untuk menghalau hantu raya itu boleh dilakukan oleh pawang tertentu.<sup>43</sup>

Hantu laut pula dipercayai mendatangkan bencana kepada pengguna sungai dan laut memandangkan hantu laut ini diyakini bersifat ganas. Kesan daripada kepercayaan terhadap hantu laut, maka lahirlah berbagai upacara memuja atau menyemah laut yang dilakukan oleh nelayan atau dinamakan upacara ‘Puja Pantai’. Ia dilakukan dengan tujuan menghalau atau memuja hantu laut yang dikaitkan dengan keselamatan dan kesejahteraan semasa melakukan tangkapan di laut. Bagaimanapun secara beransur-ansur upacara puja pantai itu telah menjadi satu temasya bersuka ria sahaja yakni tidak lagi dikaitkan dengan kepercayaan kepada semangat hantu laut.<sup>44</sup>

Selain hantu, mambang juga turut ditakuti oleh kebanyakan masyarakat Melayu. Sungguhpun kedatangan agama Hindu mengurangkan kepercayaan kepada hantu mambang, namun kesan kepercayaan itu masih terdapat di kalangan orang ramai tetapi tidak dengan sepenuhnya. Orang tua-tua masih ada yang melarang anak-anak kecil bermain di luar rumah di waktu petang jika kelihatan cahaya kuning di langit kerana dipercayai awan kuning adalah jelmaan daripada hantu mambang.

Kepercayaan kepada orang bunian juga masih lagi wujud dalam masyarakat kita. Ia bukan sahaja dipercayai oleh komuniti Melayu bahkan turut diakui kewujudannya oleh kalangan masyarakat lain di Malaysia. Orang bunian tidak dapat dilihat tetapi boleh dirasai apabila berhampiran dengan kita. Orang bunian dipercayai suka menyembunyikan mereka yang lemah semangat dan menghadapi masalah peribadi serta menghidap sesuatu penyakit. Misteri perkahwinan orang bunian dengan manusia biasa sehinggalah menghasilkan zuriat tetap menimbulkan pertanyaan hingga kini.<sup>45</sup>

Mengetahui kepercayaan lama tentang hantu, mambang dan orang bunian bukanlah untuk dipercayai. Segala-galanya bertentangan dengan agama Islam. Berdasarkan hakikat itu, masyarakat Melayu menolaknya daripada skema kepercayaan tradisional secara beransur-ansur kerana ternyata ianya bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh Islam. Dalam perkara ini ternyata berbagai-bagai ciri budaya setiap bangsa sesuai dengan kehidupan masyarakat sesuatu zaman tetapi tidak dapat diterima atau dipakai oleh masyarakat di zaman yang lain.<sup>46</sup>

#### **4.10.5 Keramat**

Kepercayaan kepada keramat sudah lama melekat di dalam jiwa masyarakat Melayu. Oleh itu mereka melakukan pemujaan dengan meletakkan panji-panji, bertih dan sebagainya mengikut suasana sesuatu tempat dan situasi. Contohnya kubur Hang Tuah di Melaka ada yang menganggap airnya seperti air zam-zam yang mempunyai berkat dan khasiat untuk menyembuhkan orang yang sakit. Manakala menurut kepercayaan Islam, keramat itu ialah sesuatu yang lahir dan menyalahi adat untuk seseorang yang dianggap sebagai kekasih Allah s.w.t., atau yang lazimnya disebut sebagai Wali Allah s.w.t., sebagai tanda Allah s.w.t. memuliakannya. Tetapi tidaklah menjadi syarat bahawa keramat itu harus sesuatu yang luar biasa. Apa pun keramat adalah satu anugerah Allah s.w.t. kepada hambanya yang salih dan hampir dengannya, untuk melemahkan atau mematahkan pendirian orang kafir. Manakala mukjizat pula ialah anugerah Allah s.w.t.

kepada para Nabi dan RasulNya. Bezanya rasul mendapat wahyu manakala wali atau orang salih sebaliknya.<sup>47</sup>

Tetapi jika sesuatu yang luar biasa itu lahir dari orang kebanyakan di kalangan umat Islam, maka ia dikatakan ‘Maunah’ ( pertolongan Allah s.w.t. ) dan jika perkara ini terjadi di kalangan orang bukan Islam, ia dinamakan ‘Istidraj’ iaitu dorongan untuk menyesatkan individu tersebut dan orang-orang yang disesatkannya.

Rasulullah s.a.w. bersabda :

إِذَا رَأَيْتُ اللَّهَ يَنْعَمُ عَلَىٰ عَبْدٍ وَهُوَ مُقِيمٌ عَلَىٰ مُعْصِيَةٍ فَهُوَ مُسْتَدْرِجٌ

Ertinya : “*Jika kamu melihat bahawa Allah s.w.t. memberi nikmat kepada hambanya yang selalu membuat maksiat, ketahuilah bahawa orang itu disiksa sedikit demi sedikit (istidraj)*”.

HR Ahmad, Tabrani dan Baihaqi

Allah s.w.t. telah menceritakan keramat yang telah berlaku kepada Siti Maryam, ibu nabi Isa as di dalam Al-Quran dengan firmanNya :

كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا  
قَالَ يَتَمَرَّيْمُ أَنِّي لَكِ هَذَا قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ

يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ



Ertinya : “Setiap kali Zakaria datang menemui Maryam di Mihrab, baginda dapati makanan disampingnya. Zakaria bertanya : “Wahai Maryam, bagaimanakah caranya engkau mendapat makanan ini ? ” Maryam menjawab : “Itu adalah daripada rezeki Allah s.w.t.. Sesungguhnya Allah s.w.t. memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terbatas”.

( Surah Al-Imran ; 37 )

Tegasnya, kehormatan adalah suatu anugerah dan pengiktirafan Allah s.w.t. kepada hambanya yang mencapai satu kedudukan tertentu disisiNya . Namun begitu, kelebihan ini bukanlah bersifat mutlak dan untuk dipamer atau bermegah-megah. Seseorang yang dianugerahkan keramat juga tidak wajar mengakui dirinya waliyullah. Jika berlaku demikian ertinya ia telah termakan pujukan syaitan kerana nabi Muhammad s.a.w. pernah menyatakan bahawa orang lain tidak akan mengetahui tentang kewujudan wali kecuali wali itu sendiri sedar akan hal tersebut. Oleh itu keramat adalah berbeza sama sekali dengan mukjizat, kerana mukjizat wajib dipertontonkan agar dapat menyempurnakan tugas menyampaikan risalah Allah s.w.t. .

Jelaslah bahawa keramat atau kepercayaan kepada keramat memang terdapat dalam Islam, tetapi kekeramatannya kepada pokok, kubur dan lain-lain adalah jelas syirik dan bertentangan dengan kepercayaan tauhid kepada Allah s.w.t..

#### 4.10.6 Nazar

Nazar pada bahasa ialah akujanji dengan kebaikan dan kejahanan daripada pembuat nazar dalam menakutkan kepada mereka yang tidak menunaikan. Pada syarak pula bererti menetapkan sesuatu korban yang tidak wajib asalnya pada syarak dengan suatu perkataan.

Bernazar dan membayar nazar telah lama wujud dalam sejarah manusia. Hal ini telah diterangkan dalam al-Quran sendiri kerana ianya merupakan perkara yang penting dan ada hubungannya dengan akidah dan ibadah. Di dalam al-Quran sendiri Allah s.w.t. telah berfirman :

إِذْ قَالَتِ امْرَأٌ عِمْرَانَ رَبِّ إِنِّي نَذَرْتُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ  
مِنِّي إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ٣٥

Ertinya : “Ketika perempuan Imran menyatakan : “Wahai tuhanku ! Sesungguhnya aku menjanjikan nazar anak yang dalam kandunganku diperuntukkan semata-mata beribadat kepada engkau, sebab itu terimalah dariku. Sesungguhnya engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

( Surah Al-Imran : 35 )

Nazar umumnya terbahagi kepada dua iaitu nazar dengan penyembelihan atau korban dan nazar mutlak iaitu nazar tanpa syarat.

Seseorang yang telah bernazar dan nazarnya itu pada perkara yang harus, maka wajiblah ditunaikan. Jika tidak, hendaklah orang berkenaan membayar kifarat atau denda sama dengan denda atau kifarat orang yang bersumpah.<sup>48</sup> Dalam hadis-hadis lain Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan nazar yang diucapkan itu boleh ditunaikan oleh anak bapanya, atau saudaranya sama ada nazar itu berupa puasa, haji, sedekah dan sebagainya.

Orang yang hendak bernazar hendaklah menyedari bahawa perkara yang di nazar itu boleh dan mampu dilakukan. Pada masa Rasulullah s.a.w. masih hidup telah datang seseorang mengadapnya, dan dia menjelaskan bahawa dirinya bernazar hendak menunaikan haji di Mekah dengan berjalan kaki. Rasulullah s.a.w. telah menyuruh orang itu menaiki kenderaan bagi menunaikan nazarnya.<sup>49</sup>

Di dalam hadis lain Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud “Tidak wajib menunaikan nazar pada perkara maksiat dan tidak wajib ditunaikan pada perkara yang tidak dimiliki.<sup>50</sup> Seseorang yang bernazar hendaklah mengikut peraturan syarak supaya nazarnya itu berguna kepadanya. Bernazar untuk menunaikan ibadat di tempat yang jauh, tidaklah perlu untuk ke sana dan cukuplah sahaja dengan menunaikannya di masjid yang berhampiran kecuali bernazar hendak menunaikan ibadat di Masjidil Haram, Masjid Nabi dan Masjid Aqsa, maka hendaklah ditunaikan. Tetapi bernazar pergi ke kubur orang yang salih untuk megambil berkat, ke kubur keramat untuk menjauhkan bala adalah dilarang.

Penyembelihan atau korban juga tidak boleh dilakukan di kubur atau tempat keramat, kerana nazar seperti itu dikira bernazar untuk syaitan, maka tidak wajib ditunaikan”.<sup>51</sup>

#### 4.10.7 Sial Majal

Perasaan sial majal atau tidak ada tuah atau melihat dan menganggap sial pada burung hantu, keris, cincin dan sebagainya adalah anggapan dan kepercayaan yang salah. Perkara atau peristiwa buruk juga tidak dapat dibuang dengan mandi jampi dan sebagainya, tetapi ianya dapat dibersihkan dengan memohon kepada Allah s.w.t. kerana Dia sahaja yang berkuasa menghilangkan sial majal dan Dia jualah yang menentukan nasib, tuah dan untung seseorang manusia. Jika kita meneliti sejarah peradaban manusia, kepercayaan terhadap sial kepada tempat, waktu dan sebagainya adalah kepercayaan manusia di serata dunia. Al-Quran menerangkan tentang kaum nabi Salleh, mereka berkata kepada nabi Syuib :

قَالُوا أَطْيَرْنَا بِكَ وَبِمَنْ مَعَكَ

Ertinya : “Kami merasa sial disebabkan kamu dan orang-orang yang bersamamu... ”.

( An-Namlu : 47 )

Rasulullah s.a.w. melarang keras mempercayai kepada sial majal dan mempercayai kepada sihir.

Sabdanya :

لِيْسَ مِنَّا مَنْ تَطَهِّرُ لَهُ أَوْ تَكَهُّنُ لَهُ أَوْ سُحْرٌ لَهُ أَوْ سُحْرٌ لَهُ

Ertinya : “Bukan dari golongan kami siapa yang merasa sial atau meminta diramalkan kesialannya, atau merenung nasib atau meminta ditenungkan, atau melakukan sihir atau meminta disihirkan”.

( HR At-Tabrani )

Rasulullah s.a.w. juga menjelaskan bahawa sial majal adalah kepercayaan yang tidak berdasarkan fikiran kerana tidak terdapat bukti yang konkret, cuma satu ramalan yang tidak berdasarkan al-Quran dan al-Hadis, kerana perkara-perkara ghaib tidak ada sesiapa yang mengetahuinya selain dari Allah s.w.t..

Adat orang Melayu yang melakukan permandian di bulan Safar adalah atas kepercayaan bahawa mereka akan dapat melepaskan diri daripada bala bencana yang didakwa banyak diturunkan pada hari Rabu di akhir bulan tersebut.<sup>52</sup> Sedangkan kepercayaan-kepercayaan tersebut adalah tahlul dan tidak berasas kerana segala sesuatu adalah daripada Allah s.w.t. dan Dia boleh menariknya pada bila-bila masa sahaja yang dikehendakiNya.

#### 4.10.8 Mengambil Berkat

Mengambil berkat adalah merupakan salah satu upacara dalam masyarakat Melayu bagi menghindari perkara buruk dan mengharapkan kebaikan keatasnya dengan bantuan selain dari Allah s.w.t. sedangkan keberkatan adalah hanya daripada Allah s.w.t. seperti mana yang dinyatakan di dalam al-Quran :

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ عَامَنُوا وَأَتَقْوَ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ  
١١

Ertinya : "Dan kalau penduduk negeri beriman dan bertakwa kepada Allah s.w.t., nescaya kami akan bukakan untuk mereka berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan ( ayat-ayat kami ) itu, maka kami siksa mereka akibat perbuatannya ".

( Surah Al-A'raf : 96 )

Keberkatan juga diberikan kepada nabi Isa as, Musa as dan nabi Muhammad s.a.w. serta orang-orang yang dikasihi oleh Allah s.w.t. sebagaimana Firman Allah s.w.t. :

وَجَعَلَنَا مُبَارَّ كَا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَدَنَا بِالصَّلَاةِ وَأَلْزَكَوْنَا مَا دُمْتُ حَيَاً



Ertinya : "Dan dijadikan aku diberkati dimana sahaja aku berada, dan Dia memerintahkan kepadaku mendirikan solat dan menunaikan zakat selama mana aku hidup".

( Al-Maryam : 31 )

Tegasnya, berkat itu telah diletakkan Allah s.w.t. kepada perkara yang sangat penting. Daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis nabi telah dinyatakan bahawa keberkatan itu adalah hanya pada Allah s.w.t. sendiri, kemudian dikurniakan kepada al-Quran, rezeki, tumbuh-tumbuhan, tempat dan sebagainya.<sup>53</sup>

Manakala sebahagian masyarakat Melayu telah mengamalkan tepung tawar yang dijampi dengan mentera dan mengambil berkat dengan air jampi mentera yang diperolehi daripada bomoh tertentu yang bukan Islam dengan satu kepercayaan bahawa terdapatnya syufaat dan tabarru' di sana. Mengambil berkat pada pokok, kubur keramat juga dianggap membawa kepada syirik, tetapi mengambil berkat dengan membaca al-Quran, berdoa atau bersembahyang tidaklah dilarang kerana perkara itu pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri.<sup>54</sup> Dalam sebuah hadisnya, baginda ada bersabda yang bermaksud "*Dari Said bin Yazid, beliau berkata : "Saya dibawa oleh emak saudara saya kepada Nabi s.a.w. dan emak saudara saya itu berkata kepada Nabi s.a.w. : "Hai Rasulullah s.a.w., anak saudaraku ini sakit". Maka Rasulullah s.a.w. mengusap kepala saya dan mendoakan untuk saya. Kemudian Nabi berwudhu' lalu saya minum bekas air*

*wudhu' baginda. Kemudian saya berdiri di belakang baginda dan lihat "khatamun Nubuwwah" di antara dua bahu beliau seperti telur burung".*

( HR Bukhari )

Untuk memelihara keimanan yang suci kepada Allah s.w.t. maka setiap orang Islam hendaklah sentiasa memohon restu dan keberkatan hanya dari Allah s.w.t. semata-mata kerana hanya Dia sahaja yang berkuasa memberi berkat dan menurunkan rahmatnya ke atas setiap makhlukNya.<sup>55</sup> Perbuatan mengambil berkat pada pohon, batu, manusia, haiwan dan lainnya bagi mendapatkan sesuatu kerana diyakini boleh mendatangkan faedah atau menolak bencana adalah syirik. Oleh itu, mereka hendaklah kembali mengucapkan dua kalimah syahadat dan bertaubat serta-merta.

#### **4.10.9 Syaitan dan Iblis**

Iblis adalah nenek moyang seluruh syaitan, dan mereka adalah golongan yang jahat atau pelampau dari jenis jin. Peristiwa pertengkaran dan bermulanya permusuhan mereka dengan manusia telah diceritakan dalam al-Quran.

Sejak peristiwa sujud hormat malaikat kepada Adam dan keengganannya iblis itu menyebabkan Allah s.w.t. murka kepada iblis dan sejak itulah, mulanya permusuhan iblis, syaitan dan kuncu-kuncunya dengan manusia. Syaitan dan iblis telah bersumpah untuk menyesatkan Adam dan anak-cucunya sehingga hari kiamat supaya manusia memasuki neraka bersama mereka.

Allah s.w.t. berkali-kali mengingatkan manusia supaya mengambil tauladan daripada peristiwa tersebut supaya dapat mengawal diri dan bersedia dengan segala kelengkapan untuk menentang syaitan dan iblis.<sup>56</sup>

FirmanNya :

إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا إِنَّمَا يَدْعُوا حِزْبَهُ وَلَيَكُونُوا

مِنْ أَصْحَابِ الْسَّعِيرِ 1

Ertinya : "Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagi kamu. Oleh yang demikian, anggaplah mereka musuh. Ia menyeru golongannya supaya menjadi penghuni neraka".

( Al-Fatir : 6 )

Walaupun syaitan berusaha memperdayakan manusia, tetapi tetap sukar jika hati manusia menetapkan keimanan dan keyakinan kepada Allah s.w.t.. Namun begitu, ramai manusia yang lalai lantaran terpengaruh dengan bisikan syaitan.<sup>57</sup>

Di samping itu, terdapat pula bomoh-bomoh yang menggunakan tangkal azimat untuk mengawal dan menjaga diri. Mengikut keterangan beberapa hadis jelas menunjukkan betapa azimat dan tangkal boleh merosakkan iman dan kepercayaan yang

tulin terhadap Allah s.w.t. atau dengan lain perkataan ianya bermaksud mensyirikkan Allah s.w.t..

Sabda Rasulullah s.a.w. :

مِنْ عَلْقٍ تَمِيمَةٌ فَلَا اتَّمَّ اللَّهُ لَهُ وَمِنْ عَلْقٍ وَدْعَةٌ فَلَا إِذْ دَعَ اللَّهُ لَهُ

Ertinya : “Siapa yang menggantungkan tangkal, maka Allah s.w.t. tidak akan menyempurnakan ( imannya ) dan siapa yang menggantungkan azimat, maka Allah s.w.t. tidak akan mempercayakan kepadanya”.

( HR Ahmad dan Abu Ya’ala )

مِنْ عَلْقٍ شَيْءًا وَكُلُّ إِلَيْهِ

Ertinya : “Siapa yang menggantungkan sesuatu ( tangkal ) bererti dia bertawakkal kepadanya”.

( HR Tarmizi )

Para ulama’ sepakat bahawa tangkal yang dilarang adalah tangkal yang mengandungi kata-kata kufur dan sihir, manakala tangkal atau azimat yang mengandungi kalimah Allah s.w.t. adalah disunatkan kerana ia bererti doa dan harapan kepada Allah s.w.t. untuk perlindungan.

Manakala tangkal yang biasa digunakan oleh orang Jahiliah ternyata bercampur dengan sihir, syirik dan azimat yang sama sekali tidak mempunyai makna yang dapat

dimengertikan.<sup>58</sup> Justeru, setiap hamba Allah s.w.t. haruslah hanya memohon kepadaNya. Orang Islam hendaklah melakukan amalan jampi dengan berpandukan doa yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. dan penggunaan tangkal azimat dengan berasaskan penggunaan jampi dari dukun atau bomoh yang bukan beragama Islam mestilah dielakkan.<sup>59</sup>

#### 4.10.10 Jin

Di kalangan orang Melayu terdapat adat yang memuja dan menjamu hantu, jin jembalang, hantu raya, pelesit dan sebagainya untuk mendapat bantuan dan pertolongan serta bagi menyampaikan hajat kepada orang yang memujanya. Ada juga pemujaan tersebut bertujuan untuk menjaga kampung dan menyembuh orang sakit, membuat sihir dan untuk memberitahu perkara-perkara yang ghaib.<sup>60</sup>

Pada hakikatnya, jin adalah makhluk Allah s.w.t. yang termasuk dari jenis roh yakni yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar, dan tidak pula diketahui hakikat bentuknya, tetapi mereka mempunyai akal fikiran seperti manusia dan boleh menjelma. Firman Allah s.w.t. :

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَلٍ مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ  
وَالْجَانُّ خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلٍ مِّنْ نَارٍ أَسْمُومٍ

Ertinya : “Dan sesungguhnya kami jadikan manusia ( Adam ) dari tanah liat kering yang berasal dari tanah hitam yang diberi bentuk. Dan jin kami jadikan daripada api yang sangat panas”.

( Al-Hijr : 26 – 27 )

Oleh kerana jin juga merupakan makhluk Allah s.w.t., maka mereka juga mempunyai tugas dan tanggungjawab dan diberi balasan baik atau buruk berdasarkan ibadat dan amalan yang dilakukan semasa hidup.

Pemujaan terhadap jin biasanya dilakukan oleh tukang tenun, tukang sihir dan sesetengah dari dukun yang menggunakan ilmu-ilmu zaman lampau melalui upacara-upacara tertentu. Dukun-dukun mengubati orang sakit dengan sihir bagi memohon bantuan dari jin. Sihir atau melakukan simpulan untuk membinasakan orang lain adalah dilarang keras dalam Islam.<sup>61</sup> Rasulullah s.a.w. telah menjelaskannya di dalam sebuah hadis :

من نفث في عقدة فقد سحر ومن سحر فقد اشرك

Ertinya : “Barangsiaapa yang meniup simpul, maka sesungguhnya dia telah mensihir dan barang siapa yang mensihir, sesungguhnya dia telah berbuat syirik”.

( HR Tabrani )

Syirik merupakan satu dosa besar di sisi Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. juga milarang orang daripada mengunjungi tukang sihir atau tukang tenun dan Rasulullah

s.a.w. tidak mengakui sebagai umatnya. Ini adalah kerana tukang ramal dan tukang tenun itu tidak mengetahui perkara yang ghaib, malah mereka hanya membuat ramalan dan tuduhan yang palsu. Jin sekalian tidak akan mengetahui perkara yang ghaib selain dari Allah s.w.t..

Mereka yang bersubahat dengan jin bukan menguntungkan, malah akan mendatangkan kerugian. Ini dijelaskan sendiri oleh Allah s.w.t. :

وَأَنَّهُمْ كَانُوا رِجَالٌ مِّنَ الْإِنْسِينَ يَعْوِذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَرَازُوهُمْ

رَهْقًا

Ertinya : “Ada manusia yang berhubung dengan Jin ( dengan maksud memberi perlindungan atau megambil keuntungan ) akibatnya tiada lain kecuali kebodohan ( dosa dan keingkaran ) sahaja ”.

( Surah al-Jin : 7 )

Oleh kerana itu, setiap individu muslim hendaklah memohon pertolongan dan segala hajatnya hanya kepada Allah s.w.t. dan tidak boleh melalui sebarang perantaraan. Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. ada menjelaskan bahawa apabila seseorang itu mempunyai satu hajat, hendaklah ia mengambil wudhu’ dan bersembahyang dua rakaat dengan ikhlas lalu berdoa kepada Allah s.w.t. memohon hajatnya. Di samping berusaha dan berikhtiar untuk mempercepatkan tercapainya hajat tersebut, ia juga hendaklah disertai dengan beristighfar dan berselawat kepada Rasulullah s.a.w. dengan penuh yakin

bahawa Allah s.w.t. tidak akan menghampakan permohonan itu. Orang yang memohon hajat selain dari Allah s.w.t. adalah menzalimi diri sendiri.<sup>62</sup>

#### 4.10.11 Rezeki

Orang Melayu pada zaman lampau amat menghargai adanya semangat pada sesuatu sama ada pada tumbuhan, binatang dan manusia.

Para ibu di kalangan masyarakat Melayu banyak melarang anak-anaknya membuang nasi, dengan alasan takut sekiranya semangat padi akan terbang sehingga tidak berguna lagi pada tubuh manusia. Seseorang budak yang kuat makan tetapi badannya tetap kurus dikatakan akibat kemarahan semangat padi.

Orang Melayu juga percaya bahawa padi akan hilang semangat dan lari jika tidak dipuja. Oleh itu, dipercayai pendapatan para petani akan berkurangan. Kerana itu, upacara memuja semangat padi akan dilakukan selepas musim menuai oleh petani. Tegasnya, menurut fahaman masyarakat petani Melayu, bahawa bertambah atau berkurangnya rezeki adalah bergantung sam ada pemujaan yang dibuat ke atas padi. Pada hakikatnya, kepercayaan kepada semangat padi adalah kesan daripada pegangan zaman nenek moyang yang terpengaruh pada agama Hindu.<sup>63</sup>

Menurut pandangan Islam pula, rezeki adalah pemberian Allah s.w.t. terhadap hamba yang dikehendakiNya, tetapi biasanya mempunyai sebab-sebabnya yang tertentu.

Rezeki yang dimaksudkan ialah sesuatu yang dianggap memberi manfaat kepada makhluk hidup seperti makanan, pakaian, harta benda dan lain-lain. Allah s.w.t. menjelaskannya bahawa Dialah yang memberi rezeki kepada makhluk. FirmanNya :

﴿وَمَا مِنْ دَبَّابَةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ  
رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقْرِرَهَا وَمُسْتَوْدِعَهَا كُلُّ فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ﴾

Ertinya : "Tiada sesuatu yang melata di bumi kecuali dengan kurnia Allah s.w.t., rezekinya dijamin oleh Allah s.w.t. dan Dia Maha Mengetahui di tempat mana menetapnya makhluk itu. Semuanya ada di dalam kitab yang nyata".

( Surah Hud : 6 )

Berasaskan hakikat tersebut, setiap pengikut agama Islam wajiblah berusaha dengan sedaya upaya untuk mencari rezeki yang halal. Dia juga tidak boleh menunggu dengan malas dan berserah kepada takdir Allah s.w.t.. Umat Islam tidak boleh mempercayai bahawa rezeki secupak tidak akan menjadi segantang sebaliknya mereka hendaklah berusaha mencari rezeki yang halal dan disebabkan rezeki itu adalah hak mutlak Allah s.w.t., maka setiap orang yang mencari rezeki hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan kemudian bertawakkal kepada Allah s.w.t..

#### **4.11 Rumusan**

Hasil daripada penguraian fakta-fakta di atas mengenai adat resam dan kepercayaan masyarakat Melayu Islam di Malaysia, dapat disimpulkan bahawa terdapat percampuran antara amalan adat dan hukum Islam di dalam masyarakat serta masih terdapat banyak kekeliruan masyarakat di dalam memahami, menghayati dan menzahirkan ajaran Islam yang sebenarnya. Sebahagian masyarakat Melayu juga masih terpengaruh dan mengekalkan adat serta kepercayaan tradisi di samping memberinya nilai sebagai sebahagian pengisian penting di dalam kehidupan moden hari ini.

Namun begitu, pengaruh daripada kedatangan Islam juga memberi kesan yang besar terhadap pemikiran dan amalan beragama masayarakat Melayu. Oleh itu, mereka meniggalkan adat-adat dan amalan tradisi yang bertentangan dengan ajaran Islam. Pun begitu, tidak semua masyarakat Melayu dapat mengikis terus semua amalan taradisi yang telah sebatи dengan jiwa mereka sejak berabad lamanya. Justeru, mereka masih lagi terbawa-terbawa dengan amalan lama mereka dan lebih parah lagi mereka menganggap amalan tersebut sebagai sebahagian daripada hukum Islam.

## NOTA HUJUNG

---

<sup>1</sup> Asmad, *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*, Melaka : Associated Educational Distributors (M) Sdn Bhd, 1990, hlm. 1

<sup>2</sup> Ibid, hlm. 2 – 4

<sup>3</sup> Ibid, hlm. 4 – 5

<sup>4</sup> A. Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohamad, *Adat dan Pantang Larang Orang Melayu*, Shah Alam : Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd, 1995, hlm. 1 – 5

<sup>5</sup> Ibid, hlm. 2 & 3

<sup>6</sup> Ibid, hlm. 4 & 5

<sup>7</sup> Ibid, hlm. 9 & 10

<sup>8</sup> Ibid, hlm. 11

<sup>9</sup> Ibid, hlm. 13 & 14

<sup>10</sup> Ibid, hlm. 14 – 16

<sup>11</sup> Ibid, hlm. 17

<sup>12</sup> Ibid, hlm. 18

<sup>13</sup> Ibid, hlm. 29 – 31

<sup>14</sup> Ibid, hlm. 32

<sup>15</sup> Ibid, hlm. 33 – 36

<sup>16</sup> Ibid, hlm. 37 & 38

<sup>17</sup> Ibid, hlm. 39

<sup>18</sup> Ibid, hlm. 40

<sup>19</sup> Ibid, hlm. 41 – 45

<sup>20</sup> Ibid, hlm. 46

<sup>21</sup> Ibid, hlm. 52 & 53

<sup>22</sup> Ibid, hlm. 54

<sup>23</sup> Ibid, hlm. 66

<sup>24</sup> Ibid, hlm. 67 – 69

---

<sup>25</sup> Ibid, hlm. 69 – 70

<sup>26</sup> Ibid, hlm. 72

<sup>27</sup> Ibid, hlm. 73 – 75

<sup>28</sup> Ibid, hlm. 76 – 78

<sup>29</sup> Ibid, hlm. 79

<sup>30</sup> Ibid, hlm. 80 – 81

<sup>31</sup> Ibid, hlm. 95 & 96

<sup>32</sup> Ibid, hlm. 97 & 98

<sup>33</sup> Op . cit, Asmad, hlm. 100

<sup>34</sup> Rahim Syam & Norhalia, *Mendekati Kebudayaan Melayu*, 1985, Petaling Jaya : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 34 & 35

<sup>35</sup> Ibid, hlm. 38 & 39

<sup>36</sup> Ibid, hlm. 48

<sup>37</sup> Ibid, hlm. 101

<sup>38</sup> Ibid, hlm. 102

<sup>39</sup> Ibid, hlm. 103 & 104

<sup>40</sup> Ibid, hlm. 103

<sup>41</sup> Ibid, hlm. 104

<sup>42</sup> Ibid, hlm. 105

<sup>43</sup> Ibid, hlm. 106

<sup>44</sup> Ibid, hlm. 107

<sup>45</sup> Ibid, hlm. 107 – 109

<sup>46</sup> Ibid, hlm. 109 & 110

<sup>47</sup> Ismail Awang, *Adat Orang-orang Melayu yang Bertentangan dengan Akidah Islam*, 1983, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, hlm. 26

<sup>48</sup> Al-Islam, Hasbi, Jilid II, hlm. 170

<sup>49</sup> Mansor Ali Nasif, *al-Tajal Jami' Lil Usul (III)*, Matbaah Halabi, hlm. 83

<sup>50</sup> Ibid, hlm. 83

<sup>51</sup> Op . cit, Ismail Awang, hlm. 37

---

<sup>2</sup> Ibid, hlm. 55

<sup>3</sup> Ibid, hlm. 79

<sup>4</sup> Ibid, hlm. 81

<sup>5</sup> Said al-Jandul, *Durru al-Nadhid*, Mesir : Dar Maktabah, hlm : 83

<sup>6</sup> Ibid, hlm. 93

<sup>7</sup> Ibid, hlm. 100

<sup>8</sup> Yusuff al Qardhawi, *al Halal wal Haram fi Islam*, Bina Ilmu : Surabaya, hlm. 81

<sup>9</sup> Syaikh Muhd Al-Ghazali, *Bukan dari Ajaran Islam*, Bina Ilmu : Surabaya, hlm. 144

<sup>0</sup> Ibid, hlm 35

<sup>1</sup> Op . cit, Ismail Awang, hlm. 121

<sup>2</sup> Ibid, hlm. 125

<sup>3</sup> Ibid, hlm. 126